



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA MUET TAHUN 2008

ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON PERSendirian INDIVIDU

1 ARAHAN AM

- 1.1 Calon dinasihati supaya membaca arahan dan panduan ini dengan teliti sebelum mengisi borang **Pendaftaran Masuk Manual (Persendirian Individu) [MUET/M(P)]**. Borang MUET/M(P) boleh didapati di **Pejabat Pelajaran Daerah/Pejabat Pelajaran Gabungan (PPD/PPG)** di mana calon ingin mengambil ujian. (Rujuk alamat PPD/PPG dengan melayari laman web Majlis Peperiksaan Malaysia, www.mpm.edu.my). Calon juga boleh mencetak borang tersebut dari laman web Majlis Peperiksaan Malaysia, www.mpm.edu.my .
- 1.2 Bayaran untuk ujian ini ialah **RM60.00** bagi seorang calon. Bayaran hendaklah dibuat secara **Kiriman Wang (Money Order)** atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**, dan dipalang **AKAUN PENERIMA SAHAJA**.
- 1.3 Borang MUET/M(P) yang telah lengkap diisi berserta bayarannya hendaklah dihantar kepada **Pegawai Pelajaran Daerah/Pegawai Pelajaran Gabungan** di mana calon ingin mengambil ujian.
- 1.4 Pendaftaran calon persendirian individu dibuat dalam disket komputer dengan menggunakan perisian **Sistem Pendaftaran Calon Persendirian MUET (SPC3MUET VERSI 1.0)** yang dibekalkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) kepada PPD/PPG melalui Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri (rujuk alamat Jabatan Pelajaran Negeri di halaman 8). Sebarang masalah tentang pengendalian SPC3STPM VERSI 1.0 ini hendaklah dirujuk kepada Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat MPM melalui telefon atau e-mel di alamat spmuet@mpm.edu.my atau spmuet@gmail.com.

2 SYARAT KEMASUKAN UNTUK MENDUDUKI MUET

2.1 Ujian ini ditawarkan kepada calon yang telah menduduki dan telah mendapat keputusan peperiksaan bagi mana-mana satu daripada yang berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional)
- (c) *Malaysia Certificate of Education*
- (d) *Federation of Malaya Certificate of Education*
- (e) *Cambridge School Certificate*
- (f) Pendidikan selama 10 tahun yang setaraf dengan *O-Level*

2.2 Calon yang **telah menduduki peperiksaan dan telah mendapat keputusan peperiksaan yang diambil** selain yang disenaraikan pada 2.1 di atas hendaklah terlebih dahulu memperoleh kebenaran daripada Majlis Peperiksaan Malaysia untuk mengambil ujian ini.

3 BORANG PENDAFTARAN MASUK MANUAL (PERSENDIRIAN INDIVIDU) [MUET/M(P)]

Setiap calon persendirian individu yang mendaftar untuk MUET mestilah mengisi borang Pendaftaran Masuk Manual (Persendirian Individu) [MUET/M(P)].

4 CARA MENGISI BORANG MUET/M(P) (Lihat contoh pada halaman 7)

- 4.1 Gunakan pena mata bola berdakwat HITAM/BIRU apabila mengisi borang MUET/M(P).
- 4.2 Nyatakan ujian, sama ada **Pertengahan Tahun 2008** atau **Akhir Tahun 2008**.

5 NOMBOR KAD PENGENALAN

- 5.1 Nombor kad pengenalan hendaklah diisikan dalam borang MUET/M(P).
- 5.2 Jika anda pemegang kad pengenalan lama, isikan nombor kad pengenalan anda dalam petak 1 hingga petak 8 sahaja.
- 5.3 Jika anda pemegang kad pengenalan baru (12 angka), isikan petak 3 hingga petak 16 sahaja.
- 5.4 Bagi pemegang kad pengenalan yang mempunyai dua abjad dipangkalnya, tuliskan abjad yang pertama sahaja di petak pertama, misalnya RX tuliskan R sahaja.

Nota: Sila ambil perhatian bahawa anda dikehendaki menggunakan nombor kad pengenalan yang sama semasa menduduki ujian kelak.

6 NOMBOR PUSAT DAN ANGKA GILIRAN CALON

- 6.1 Bagi calon persendirian individu, nombor pusat akan diisikan oleh PPD/PPG.
- 6.2 Angka giliran calon akan ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui Slip Daftar MUET (MUET/D) yang akan dihantar kelak.

7 PENYERAHAN BORANG MUET/M(P) DAN BAYARAN

- 7.1 Borang MUET/M(P) bagi calon persendirian individu yang dihantar dengan tangan hendaklah diserahkan kepada PPD/PPG dengan menyertakan bahan yang berikut:
- (a) Bukti kelayakan (**sijil asal SPM sahaja**)
 - (b) Kad Pengenalan
 - (c) Bayaran yang dibuat secara **Kiriman Wang** (*Money Order*) atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Nama dan nombor kad pengenalan calon hendaklah ditulis di belakang Kiriman Wang tersebut.
 - (d) Satu sampul surat berukuran 23 cm x 10 cm yang beralamat sendiri dan bersetem 50 sen.
- 7.2 Pendaftaran calon yang dibuat melalui pos hendaklah menepati perkara yang berikut:
- (a) Borang MUET/M(P) hendaklah dihantar kepada Pegawai Pelajaran Daerah/ Pegawai Pelajaran Gabungan di mana calon bercadang mengambil ujian dan **BUKAN** kepada Majlis Peperiksaan Malaysia.
 - (b) Borang MUET/M(P) disertakan dengan bahan yang diperlukan dalam para 7.1 (a) – (d) di atas. Walau bagaimanapun, bagi bahan 7.1 (a) dan (b), hanya memadai dihantar salinannya yang disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- 7.3 Calon diingatkan tentang perkara yang berikut:
- (a) Borang MUET/M(P) yang tidak lengkap diisi atau tanpa salinan sijil-sijil SC/SPM/MCE/SPVM dan salinan kad pengenalan yang **disahkan** atau tanpa bayaran akan ditolak.
 - (b) Majlis Peperiksaan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, dan PPD/PPG tidak bertanggungjawab atas kelewatan atau kehilangan borang MUET/M(P) melalui pos.
 - (c) Bayaran lebih **tidak** akan dikembalikan. Sila tentukan bahawa jumlah bayaran anda menepati jumlah yang dikehendaki.
- 7.4 Calon hendaklah menentukan bahawa semua butiran diri yang diisikan dalam borang MUET/M(P) adalah betul.

8 PERKARA-PERKARA PENTING TENTANG UJIAN MUET

8.1 Tarikh Pendaftaran Dan Tarikh Ujian

Sila rujuk kalendar MUET 2008 pada halaman 6.

8.2 Calon Istimewa

Calon yang kurang upaya dari segi penglihatan seperti buta, rabun, atau ketidakupayaan dari segi anggota/spastik atau ketidakupayaan dari segi pendengaran seperti kurang dengar/pekak atau ketidakupayaan dari segi pertuturan seperti sengau atau ketidakupayaan yang lain hendaklah memberitahu Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri sebelum **7 Februari 2008** bagi MUET Pertengahan Tahun 2008 dan sebelum **10 Jun 2008** bagi MUET Akhir Tahun 2008. Segala butiran ketidakupayaan, peribadi, dan kertas yang terlibat hendaklah diberitahu dengan jelas dan lengkap. Isikan borang **MUET/C5** atau **MUET/C6(Pindaan 2006)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan.

Borang MUET/C5 atau MUET/C6(Pindaan 2006) boleh diperoleh dari Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri, atau dengan mencetak borang tersebut dari laman web Majlis Peperiksaan Malaysia, www.mpm.edu.my.

8.3 Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)

- (a) Calon akan menerima MUET/PP selepas kemasukan data dalam SPC3MUET VERSI 1.0 daripada borang MUET/M(P) oleh PPD/PPG.
- (b) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada slip MUET/PP seperti ejaan nama, nombor kad pengenalan, dan alamat adalah betul.
- (c) Jika terdapat kesilapan, calon dikehendaki membuat pindaan pada slip MUET/PP tersebut dan memulangkannya kepada PPD/PPG untuk dibetulkan. Calon diminta mengesahkan slip MUET/PP yang telah dibetulkan.

8.4 Slip Daftar MUET (MUET/D)

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki MUET akan diberitahu kepada calon melalui Slip Daftar MUET (MUET/D). Slip Daftar MUET (MUET/D) akan dihantar kepada calon selewat-lewatnya **seminggu sebelum tarikh ujian**. Jika calon tidak menerima MUET/D, sila hubungi Jabatan Pelajaran Negeri di mana calon mendaftar untuk mengambil ujian ini.
- (b) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada MUET/D seperti nombor kad pengenalan dan ejaan nama. Jika terdapat kesilapan, calon dikehendaki membuat pindaan pada slip MUET/D tersebut dan memulangkannya kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p: Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) sebelum ujian pertama bermula. Pembetulan hanya akan dibuat pada **slip keputusan MUET** yang akan dikeluarkan kelak.
- (c) Calon juga boleh menyemak butiran tentang pendaftaran dengan melayari laman web Majlis Peperiksaan Malaysia, www.mpm.edu.my atau membuat semakan tentang pendaftaran melalui SMS dengan menaip **INFOMUET<jarak>No. Kad Pengenalan Baru** dan hantar ke **39003**.
- (d) Jika calon ingin mengemas kini alamat, pindaan boleh dibuat melalui SMS dengan menaip **SEMAKMUET<jarak>No. Kad Pengenalan Baru** dan hantar ke **39003**.

8.5 Perpindahan Pusat Ujian

Perpindahan dari satu pusat ujian ke satu pusat ujian yang lain hanya akan dibenarkan jika alasan yang dikemukakan oleh calon adalah munasabah. Permohonan untuk berpindah pusat dalam bandar yang sama **tidak** dibenarkan. Bayaran untuk perpindahan pusat ialah **RM25.00**. Bayaran akan dikembalikan jika permohonan tidak diluluskan.

Borang permohonan perpindahan pusat ujian (**MUET/C2**) boleh diperolehi dari Bahagian/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri, atau dengan mencetak borang tersebut dari laman web Majlis Peperiksaan Malaysia, www.mpm.edu.my. Tarikh tutup permohonan perpindahan pusat ujian ialah **3 Mac 2008** bagi MUET Pertengahan Tahun 2008 dan **7 Ogos 2008** bagi MUET Akhir Tahun 2008.

8.6 Penarikan Diri

Calon yang menarik diri daripada ujian **tidak** akan dikembalikan yuran ujiannya kecuali calon yang sakit berpanjangan (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah dikemukakan) atau calon yang meninggal dunia (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya).

Calon yang ingin menarik diri daripada menduduki peperiksaan perlu mengisi borang **MUET/C4** yang boleh diperolehi dari Bahagian/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri, atau dengan mencetak borang tersebut dari laman web Majlis Peperiksaan Malaysia, www.mpm.edu.my.

8.7 Penangguhan Menduduki MUET

Permohonan untuk penangguhan menduduki MUET **tidak** akan dilayan.

8.8 Keputusan Ujian MUET

Keputusan ujian calon persendirian individu akan dihantar kepada calon melalui pos oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon juga boleh menyemak keputusan peperiksaan menerusi laman web Majlis Peperiksaan Malaysia, www.mpm.edu.my atau melalui SMS dengan menaip **MUET<jarak>No. Kad Pengenalan Baru** dan hantar ke **39003**.

KALENDAR MUET 2008

(a) TARIKH PENDAFTARAN

PERKARA	MUET	
	PERTENGAHAN TAHUN	AKHIR TAHUN
PENDAFTARAN DIBUKA	7 Januari 2008	5 Mei 2008
PENDAFTARAN DITUTUP	30 Januari 2008 (Semua Jenis Calon)	4 Jun 2008 (Semua Jenis Calon)
	30 Januari 2008 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan MUET Akhir Tahun 2007)	24 Julai 2008 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan MUET Pertengahan Tahun 2008) ● Calon dikehendaki mengemukakan slip keputusan MUET Pertengahan Tahun 2008 sebagai bukti.
TARIKH TUTUP PERPINDAHAN PUSAT UJIAN	3 Mac 2008	7 Ogos 2008

(b) TARIKH UJIAN

KERTAS	MUET	
	PERTENGAHAN TAHUN	AKHIR TAHUN
800/2 <i>SPEAKING</i>	6, 7, 8 Mei 2008 dan 12, 13, 14 Mei 2008	21, 22, 23 Oktober 2008 dan 4, 5, 6 November 2008
800/1 <i>LISTENING</i>	}	}
800/3 <i>READING COMPREHENSION</i>	} 10 Mei 2008	} 8 November 2008
800/4 <i>WRITING</i>	}	}

HALAMAN KOSONG

HALAMAN KOSONG

HALAMAN KOSONG

HALAMAN KOSONG